



05 APR, 2023

Pengimport telur menuntut ganti rugi fitnah RM20j terhadap Azmin

Harijan Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Pengimport telur menuntut ganti rugi fitnah RM20j terhadap Azmin

Kuala Lumpur: Syarikat pengimport telur, J&E Advance Tech Sdn Bhd menuntut ganti rugi fitnah sebanyak RM20 juta daripada bekas Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerana mendakwa pihaknya diberikan kontrak untuk mengimport telur dari India melalui rundingan terus.

Menerusi surat tuntutan dihantar firma guaman Han

& Zi, syarikat berkenaan menuntut bekas Menteri Ekonomi itu supaya menarik balik kenyataan selain memohon maaf serta berjanji tidak mengulangi perbuatan.

Peguam syarikat itu berkata, dakwaan Mohamed Azmin dalam ucapannya tidak benar dan berniat jahat dengan memutarbelit fakta.

Ia termasuk ucapan Mohamed Azmin didakwa memberi gambaran keraja-

an korup dan tidak amanah serta anak guamnya tidak berprinsip serta menipu.

"Sekiranya kami tidak menerima jawapan memuaskan dalam tempoh tujuh hari dari penerimaan surat ini, araban kami mulakan prosiding undang-undang terhadap anda," katanya.

Tuntutan itu merujuk dakwaan Mohamed Azmin terhadap ahli perniagaan,

Deepak Jaikishan yang dikatakan ada kaitan dengan isteri bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Memetik dakwaan Mohamed Azmin ketika berucap di Markas PAS dekat Taman Melewar, Gombak pada bulan lalu, beliau mendakwa kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberikan kontrak im-

port telur dari India, secara terus kepada sebuah syarikat milik peniaga permaidani.

Ketua Penerangan Perikatan Nasional (PN) itu mendakwa pemberian kontrak secara terus itu ternyata bercanggah dengan janji Kerajaan Perpaduan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dakwanya lagi, Menteri Pertanian dan Keterjami-

nan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, turut membawa ahli perniagaan terbabit dalam lawatannya ke India sebelum ini.

Pada 28 Februari lalu, Mohamad menjelaskan hanya sebuah syarikat diberikan kebenaran mengimport telur dari India dan langkah itu diambil bagi menangani isu kekurangan bekalan telur dalam pasaran tempatan.



05 APR, 2023

Pengimport telur menuntut ganti rugi fitnah RM20j terhadap Azmin

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Syarikat pengimport telur, J&E Advance Tech Sdn Bhd menuntut ganti rugi fitnah sebanyak RM20 juta daripada bekas Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerana mendakwa pihaknya diberikan kontrak untuk mengimport telur dari India melalui rundingan terus. Menerusi surat tuntutan dihantar firma guaman Han

& Zi, syarikat berkenaan menuntut bekas Menteri Ekonomi itu supaya menarik balik kenyataan selain memohon maaf serta berjanji tidak mengulangi perbuatan.